2.4.1 Sekiranya terdapat maklumat dalam Dokumen Sebut Harga yang tidak jelas atau bercanggah, Penyebut Harga hendaklah menghubungi **Ketua Penolong Pengarah Kanan**, Unit Kejuruteraan Awam Dan Struktur (UKAS), Bahagian Pelaksanaan dan Perkhidmatan Kejuruteraan, Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan, Aras 6, No. 51, Persiaran Perdana, Presint 4, 62100 Putrajaya (03-8891 3663) untuk penjelasan lanjut.

3. SENARAI KUANTITI

3.1 Senarai Kuantiti hendaklah menjadi sebahagian daripada Borang Sebut Harga ini dan hendaklah menjadi asas Jumlah Harga Sebut Harga.

3.2 Harga-harga dalam Senarai Kuantiti hendaklah mengambil kira semua kos termasuk kos pengangkutan, cukai, duti, bayaran dan caj-caj lain yang perlu dan berkaitan bagi penyiapan kerja dengan sepenuhnya.

4. TEMPOH SIAP KERJA

Tempoh siap kerja yang ditetapkan untuk projek ini adalah selama **9 Minggu**.

5. PERBELANJAAN PENYEDIAAN DOKUMEN SEBUT HARGA

Semua perbelanjaan bagi penyediaan Dokumen Sebut Harga ini hendaklah ditanggung oleh Penyebut Harga sendiri.

6. TEMPOH SAHLAKU SEBUT HARGA

Sebut Harga ini sah selama **sembilan puluh (90) hari** dari tarikh tutup Sebut Harga. Penyebut Harga tidak boleh menarik balik Sebut Harganya sebelum tamat tempoh sah Sebut Harga. Pengesyoran tindakan tatatertib akan diambil sekiranya Penyebut Harga menarik balik Sebut Harganya sebelum tamat tempoh sah Sebut Harga.

7. SCHEDULE OF SPECIFICATION LIFT

- ~~Penyebut Harga diwajibkan melengkapkan dan menandatangani *Schedule of Design Requirements* dan *Schedule of Technical Data for Equipment Offered*. Kegagalan~~
- ~~penyebut harga melengkapkan dan menandatangani jadual ini boleh menyebabkan~~
- ~~Sebut Harga ditolak atau tidak akan dipertimbangkan.~~

8. LIST OF CATALOGUES SUPPLIED

- ~~Penyebut Harga diwajibkan mengisi dan mengemukakan katalog yang disenaraikan. Kegagalan penyebut harga mengemukakan katalog boleh menyebabkan Sebut Harga ditolak atau tidak akan dipertimbangkan.~~

9. LESEN PENGILANG

~~Penyebut Harga juga adalah dikehendaki mengemukakan Lesen Pengilang yang dikeluarkan oleh Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri Malaysia (MITI) sebagai salah satu dokumen penilaian teknikal. Kegagalan penyebut harga mengemukakan lesen tersebut boleh menyebabkan Sebut Harga ditolak atau tidak akan dipertimbangkan.~~

10. DASAR PENGGUNAAN BAHAN/BARANGAN TEMPATAN

Penyebut Harga adalah diwajibkan untuk menggunakan bahan/barangan buatan tempatan yang disenaraikan di dalam Senarai Bahan-bahan Binaan Tempatan yang disediakan oleh IKRAM QA Services Sdn Bhd, Senarai Bahan/Barangan Tempatan yang disediakan oleh SIRIM QA Services Sdn Bhd atau mana-mana badan pensijilan tempatan yang diakreditasi oleh JSM mengikut mana yang berkenaan. Sekiranya kontraktor tidak mematuhi peraturan menggunakan bahan/barangan buatan tempatan setelah Surat Setuju Terima dikeluarkan, penalti dan/atau penolakan bahan yang dibekalkan akan dikenakan ke atas kontraktor. Bahan/barangan buatan tempatan yang tidak disenaraikan boleh dipertimbangkan jika barangan tersebut telah terlebih dahulu diuji dan diperakukan oleh IKRAM QA Services Sdn Bhd atau SIRIM QA Services Sdn Bhd mengikut mana yang berkenaan. Jika pengujian tidak dapat dijalankan oleh IKRAM QA Services Sdn Bhd atau SIRIM QA Services Sdn Bhd kontraktor boleh memohon untuk menjalankan ujian dengan agensi lain tertakluk

kepada kelulusan Pegawai Inden.

11. HARGA INDIKATIF JABATAN

11.1 Harga Indikatif Jabatan bagi Sebut Harga ini adalah Ringgit Malaysia :

SERATUS SEMBILAN RIBU SAHAJA

.....
.....

(RM **109,000.00**)

11.2 Harga Indikatif Jabatan ini merupakan suatu anggaran sahaja dan amaun tersebut tidak mengikat Kerajaan atau mana-mana pihak lain juga bagi maksud mengelakkan kekeliruan yang mungkin berbangkit.

11.3 Pihak Kerajaan tidak menjamin bahawa Syarikat akan dipilih atau boleh menyiapkan kerja dengan bersandarkan Harga Indikatif Jabatan.

12. PENGEMUKAAN PENGISYTIHARAN PEMUNYA BENEFISIAL DAN SURAT AKUAN SYARIKAT DALAM MENANGANI JENAYAH PEMERDAGANGAN ORANG DAN BURUH PAKSA

12.1 Pekeliling Perbendaharaan/Perolehan Kerajaan 1.6 telah dikemaskini selaras dengan peruntukan perundangan di bawah Akta Syarikat (pindaan) 2024 [Akta A1701] dan Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran 2007 [Akta 670].

12.1.1 Akta Syarikat (pindaan) 2024 [Akta A1701]

12.1.1.1 Akta A1701 yang diwartakan pada 2 Februari 2024 telah mewajibkan setiap syarikat yang berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) untuk mengisytihar Pemunya Benefisial (*Beneficial Owners* - BO) bagi memerangi aktiviti-aktiviti pengubahan wang haram, pembiayaan keganasan, rasuah dan pengelakan cukai perniagaan di Malaysia.

- 12.1.1.2 Tafsiran dan kriteria BO boleh dirujuk kepada *Guideline For The Reporting Framework For Beneficial Ownership Of Legal Persons* yang boleh dimuat turun dari laman sesawang SSM iaitu www.ssm.com.my.
- 12.1.1.3 Penyebutharga **hendaklah** melaksanakan pengisytiharan BO dengan mengemukakan Borang Pengisytiharan BO seperti di **Lampiran A** untuk menyertai perolehan Kerajaan yang bernilai **melebihi RM50 ribu**.
- 12.1.1.4 Penyebutharga hendaklah memastikan BO diisi dengan lengkap, ditandatangani dan dikemukakan atau dimuat naik bersama dokumen tender secara manual atau secara dalam talian sepertimana yang telah ditetapkan.
- 12.1.1.5 Kegagalan penyebutharga untuk mengemukakan BO akan menyebabkan sebut harga yang disertai ditolak.
- 12.1.2 Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran 2007 [Akta 670]**
- 12.1.2.1 Selaras dengan Akta 670 satu akuan atau pengisytiharan oleh Penyebutharga perlu dilaksanakan bagi meningkatkan kesedaran tentang hak pekerja, perlindungan dan akses kepada remedi.
- 12.1.2.2 Penyebutharga yang menyertai perolehan Kerajaan adalah diwajibkan untuk menandatangani Surat Akuan Syarikat Dalam Menangani Jenayah Pemerdagangan Orang Dan Buruh Paksa (SA) seperti di **Lampiran B**.
- 12.1.2.3 Penyebutharga hendaklah memastikan SA diisi dengan lengkap, ditandatangani dan dikemukakan atau dimuat naik bersama dokumen tender secara manual atau secara dalam talian sepertimana yang telah ditetapkan.
- 12.1.2.4 Kegagalan penyebutharga untuk mengemukakan SA akan menyebabkan tender yang disertai **ditolak**.

- 12.2 Bagi sebut harga yang disertai oleh beberapa syarikat yang berdaftar dengan SSM secara usahasama, kesemua syarikat hendaklah mengemukakan BO dan SA semasa mengemukakan tawaran.

13 PENGEMUKAAN SIJIL PEMATUHAN CUKAI (TAX COMPLIANCE CERTIFICATE - TCC) BAGI PEROLEHAN KERJA

- 13.1 **Sijil Pematuhan Cukai (Tax Compliance Certificate - TCC)** adalah merupakan sijil akuan status pematuhan pembayar cukai yang dikeluarkan oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDN) sebagai dokumen prasyarat bagi tujuan perolehan Kerajaan.
- 13.2 Petender WAJIB mengemukakan atau memuat naik TCC bersama-sama Dokumen Tender semasa mengemukakan tawaran secara manual atau secara dalam talian sepertimana kaedah penyerahan tawaran tender yang ditetapkan.
- 13.3 TCC adalah **DOKUMEN WAJIB** kelayakan asas tender. Petender yang tidak mengemukakan TCC atau mengemukakan TCC berstatus '**Tidak Patuh**' / TCC yang tidak sah, akan dinilai sebagai '**Gagal**' mengemukakan dokumen wajib dan tidak layak dinilai untuk peringkat seterusnya.
- 13.4 Bagi tender yang disertai oleh beberapa syarikat tempatan secara usahasama, kesemua syarikat hendaklah mengemukakan TCC dengan status '**Patuh**' dan masih dalam tempoh sah laku semasa mengemukakan tawaran*.
- 13.5 Tiada sebarang pengecualian ke atas pengemukaan TCC termasuklah petender yang berada di zon perdagangan bebas atau zon perindustrian bebas seperti ditakrifkan di bawah Seksyen 2 Akta Zon Bebas 1990.
- 13.6 Pengemukaan TCC juga diwajibkan kepada petender dari negara ahli Perjanjian Perdagangan Bebas (Free Trade Agreement - FTA) yang menyertai perolehan kerja Kerajaan. Sebarang pengecualian melibatkan perkara ini hendaklah dirujuk kepada pihak LHDN.
- 13.7 Bagi penyerahan tender melalui Sistem JET, petender perlu memuat naik TCC di

dalam tindakan Kehendak-Kehendak Kontrak.

- 13.8 Petender boleh membuat semakan dan cetakan TCC secara sendiri melalui menu Status MyTax di Portal MyTax iaitu <https://mytax.hasil.gov.my>. Portal MyTax boleh diakses menggunakan nombor kad pengenalan / pasport dan kata laluan sepertimana pembayar cukai mendaftar masuk bagi tujuan pengemukaan Borang Nyata Cukai Pendapatan (BNCP) melalui aplikasi e-Filing.
- 13.9 Sekiranya petender belum mempunyai Nombor Pengenalan Cukai atau Tax Identification Number (TIN), pendaftaran boleh dibuat secara dalam talian melalui aplikasi e-Daftar di Portal MyTax.
- 13.10 Petender boleh mendapatkan maklumat lanjut atau merujuk terus ke LHDN bagi tujuan dan maksud TCC ini. Ketidak patuhan petender untuk mengemukakan TCC akan menyebabkan tawaran petender tidak dinilai

LAMPIRAN 1
- Lampiran A & Lampiran B

LAMPIRAN A

BORANG PEMBERITAHUAN PEMUNYA BENEFISIAL

- ☐ Berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) dan telah menyerahkan simpan maklumat pemunyaan benefisial di SSM
- ☐ Berdaftar dengan SSM dan tidak perlu menyerahkan simpan maklumat pemunya benefisial di SSM (syarikat enterprise) (Perlu menghantar borang tanpa diisi)
- ☐ Tidak berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) (Perlu menghantar borang tanpa diisi)

Tandakan ☒

Nama Syarikat :
Butiran Pemunya Benefisial :

Nama Individu	No. Kad Pengenalan / No. Pasport	Jawatan dalam syarikat (sekiranya ada)	Kewarganegaraan

Saya.....nombor kad pengenalan
(Nama Pemilik/Pengarah Syarikat)

/ nombor pasport.....yang mewakili
syarikat/perniagaan.....nombor pendaftaran.....
(*MOF/CIDB/SSM) dengan sesungguhnya dan sebenarnya mengesahkan bahawa senarai pemunya
benefisial syarikat seperti mana pemberitahuan dalam borang ini adalah sama dengan maklumat yang
diserah simpan kepada Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) berdasarkan Akta Syarikat 2016 [Akta
777] dan garis panduan yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM).

Yang benar,

Tandatangan : _____
Nama : _____
No.KP : _____
Jawatan : _____
Tarikh : _____
Cap Syarikat : _____

Catatan :

* Potong mana yang tidak berkenaan

LAMPIRAN B

**SURAT AKUAN SYARIKAT DALAM MENANGANI JENAYAH
PEMERDAGANGAN ORANG DAN BURUH PAKSA**

**KERJA-KERJA PENYIASATAN TANAH DAN UJIAN MAKMAL BAGI PROJEK
PROGRAM RESIDENSI RAKYAT (PRR) PAYA RUMPUT, MELAKA
KPKT/BPJ/UB/SH/2/2026**

1. Saya,
(Nama Pegawai Yang Diberi Kuasa)
No. Kad Pengenalan yang mewakili
(Nama Syarikat)
nombor Pendaftaran dengan ini mengisytiharkan bahawa saya
(CIDB)
atau mana-mana orang yang mewakili syarikat ini akan:

- i. Mendidik pekerja dan ahli organisasi mengenai cara mengenal pasti dan melaporkan tanda-tanda pemerdagangan orang dan buruh paksa;
- ii. Meningkatkan kesedaran tentang hak pekerja, perlindungan dan akses kepada remedi; dan
- iii. Memastikan pematuhan kepada undang-undang mengenai jenayah pemerdagangan orang dan buruh paksa selaras dengan Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran 2007 [Akta 670] dan Akta Kerja 1955 [Akta 265] serta manamana peruntukan undang-undang yang berkuat kuasa di Malaysia.

2. Sekiranya saya, atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini didapati terlibat dalam jenayah pemerdagangan orang dan buruh paksa, maka saya sebagai wakil syarikat bersetuju tindakan boleh dikenakan ke atas syarikat di bawah Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran 2007 [Akta 670] dan Akta Kerja 1955 [Akta 265] serta mana-mana peruntukan undang-undang yang berkuat kuasa di Malaysia.

Yang Benar,

Tandatangan :

Nama :

No. KP :

Tarikh :

Cap Syarikat :

BORANG SEBUT HARGA

BORANG SEBUT HARGA
NO. SEBUT HARGA: KPKT/BPJ/UB/SH/2/2026

Ketua Setiausaha
Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan
No. 51, Persiaran Perdana, Presint 4
62100 Putrajaya, Malaysia.

Tuan,

Sebutharga bagi : KERJA-KERJA PENYIASATAN TANAH DAN UJIAN MAKMAL
BAGI PROJEK PROGRAM RESIDENSI RAKYAT (PRR) PAYA RUMPUT,
MELAKA

Di bawah dan tertakluk kepada Arahan Kepada Penyebut Harga, Syarat-Syarat Sebut Harga, Spesifikasi Kerja dan pelan-pelan, saya/kami yang bertandatangan di bawah ini adalah dengan ini menawarkan untuk melaksanakan dan menyiapkan kerja-kerja tersebut bagi jumlah harga pukal sebanyak Ringgit Malaysia

..... (RM.....)

2. Saya/kami bersetuju menyiapkan Kerja-Kerja ini dalam masa **Sembilan (9) minggu** dari tarikh akhir tempoh mula kerja seperti yang diarahkan oleh Pegawai Inden.

Bertarikh pada/...../.....

.....
Tandatangan Kontraktor :

Nama Penuh:

No. KP :

Alamat :

.....
.....

.....
Tandatangan Saksi :

Nama Penuh:

No. KP :

Alamat :

.....
.....

Atas sifat:

.....
Meterai atau cap Kontraktor

SURAT AKUAN PEMBIDA

SURAT AKUAN PEMBIDA

KERJA-KERJA PENYIASATAN TANAH DAN UJIAN MAKMAL BAGI PROJEK PROGRAM RESIDENSI RAKYAT (PRR) PAYA RUMPUT, MELAKA

No sebutharga:

KPKT/BPJ/UB/SH/2/2026

Saya, No. Kad Pengenalan Yang mewakili
..... nombor Pendaftaran **(MOF/PKK/CIDB)**

dengan ini mengisytiharkan bahawa saya atau mana-mana orang yang mewakili syarikat ini:

- i. tidak akan menawarkan, menjanjikan atau memberikan apa - apa suapan kepada mana-mana orang dalam mana-mana Kementerian/Agensi atau mana-mana orang lain, sebagai suapan untuk dipilih dalam mana-mana perolehan; dan
- ii. tidak akan melakukan atau terlibat dengan tipuan bida dalam mana-mana perolehan.

Bersama ini dilampirkan Surat Perwakilan Kuasa bagi saya mewakili syarikat seperti tercatat di atas untuk membuat pengisytiharan ini.

2. Sekiranya saya, atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini didapati terlibat dalam pakatan tipuan bida dengan syarikat lain berkenaan perolehan di atas atau menawarkan, menjanjikan atau memberikan apa-apa suapan kepada mana-mana orang dalam KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN atau mana-mana orang lain sebagai dorongan untuk dipilih dalam perolehan seperti di atas, maka saya sebagai wakil syarikat bersetuju tindakan-tindakan berikut boleh diambil:

- 2.1 Hilang kelayakan untuk dinilai dan dilantik bagi perolehan di atas; dan
- 2.2 Lain-lain tindakan undang-undang/tatatertib mengikut undang-undang/peraturan perolehan Kerajaan yang berkuat-kuasa.

3. Saya sesungguhnya faham bahawa:

- 3.1 saya atau mana-mana orang yang berkaitan dengan syarikat boleh didakwa bagi kesalahan* di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694] dan Kanun Keseksaan [Akta 574] serta boleh dihukum di bawah undang-undang masing-masing atas kegagalan saya atau mana-mana orang yang mewakili syarikat ini untuk mematuhi perkara (i) dalam surat akaun ini; atau
- 3.2 tindakan boleh dikenakan ke atas syarikat di bawah Akta Persaingan 2010 [Akta 712] atas kegagalan saya atau mana-mana orang yang mewakili syarikat ini untuk mematuhi perkara (ii) dalam surat akuan ini. Sekiranya syarikat didapati melanggar peruntukan seksyen 4(2)(d) Akta 712, syarikat boleh didenda tidak melebihi sepuluh peratus (10%) daripada pusing ganti (*turn over*) seluruh dunia sepanjang tempoh suatu pelanggaran itu berlaku.

Sekiranya terdapat mana-mana orang cuba memperolehi atau meminta apa-apa suapan daripada saya atau mana-mana orang yang berkaitan dengan syarikat ini sebagai dorongan untuk dipilih dalam perolehan seperti di atas, maka saya berjanji akan dengan segera melaporkan perbuatan tersebut kepada pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) atau balai polis yang berhampiran. Saya sedar bahawa kegagalan saya berbuat demikian adalah merupakan suatu kesalahan di bawah seksyen 25 (1) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694] dan boleh dihukum di bawah seksyen 25 (2) akta yang sama, apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi RM100,000 atau penjara selama tempoh tidak melebihi sepuluh tahun atau kedua-duanya.

4. Saya sesungguhnya faham bahawa syarikat melakukan kesalahan jika seseorang yang bersekutu dengan syarikat** memberikan, menjanjikan atau menawarkan suapan untuk memperoleh atau mengekalkan perniagaan atau faedah dalam menjalankan perniagaan di bawah Seksyen 17A, Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694], apabila disabitkan kesalahan boleh didenda tidak kurang daripada sepuluh kali ganda jumlah atau nilai suapan, atau RM1 juta, atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua puluh tahun atau kedua-duanya.

Yang benar,

Tandatangan : _____

Nama : _____

No.KP : _____

Tarikh : _____

Cop Syarikat :

Catatan:

- (i) * termasuk kesalahan ditetapkan dalam Jadual (Perenggan 3 (a), takrif "kesalahan ditetapkan") Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694] yang boleh dihukum di bawah Kanun Keseksaan.
- (ii) ** seseorang yang bersekutu dengan syarikat merujuk kepada seksyen 17A (6) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694], iaitu seseorang itu bersekutu dengan organisasi komersial jika dia seorang pengarah, pekongsi atau pekerja organisasi komersial itu atau dia ialah orang yang melaksanakan perkhidmatan untuk atau bagi pihak organisasi komersial itu.
- (iii) Surat Akuan ini hendaklah dikemukakan bersama surat perwakilan kuasa.
- (iv) Takrifan perusahaan di bawah Akta 712 merangkumi syarikat yang terlibat dengan perolehan Kerajaan.

Pihak Syarikat : Penama pada sijil pendaftaran untuk menandatangani Surat ini.

Pihak Kerajaan : Pegawai yang diberi kuasa oleh Menteri di bawah Seksyen 2 Akta Kontra Kerajaan 1949 untuk menandatangani kontrak.

SYARAT-SYARAT SEBUT HARGA

SYARAT-SYARAT SEBUT HARGA UNTUK KERJA

1. PEMERIKSAAN TAPAK PROJEK

Kontraktor disifatkan telah memeriksa dan meneliti tapak projek dan sekitarnya, bentuk dan jenis tapak projek, takat dan jenis kerja, barang dan bahan yang perlu bagi menyiapkan Kerja, cara-cara perhubungan dan laluan masuk ke tapak projek dan hendaklah mendapatkan sendiri segala maklumat yang perlu tentang risiko, luar jangkaan dan segala hal-keadaan yang mempengaruhi dan menjejaskan sebut harganya. Sebarang tuntutan yang timbul akibat daripada kegagalan Kontraktor mematuhi kehendak ini tidak akan dipertimbangkan.

2. ~~BON PELAKSANAAN, POLISI INSURANS DAN PERKESO~~

- ~~2.1 Kontraktor hendaklah mengemukakan Bon Pelaksanaan sebanyak 5% daripada Nilai Sebut Harga dalam bentuk Jaminan Bank/ Jaminan Syarikat Kewangan/ Jaminan Insurans/ Jaminan Takaful. Sekiranya Kontraktor tidak mengemukakan Bon Pelaksanaan dalam bentuk Jaminan Bank/Insurans, kaedah Wang Jaminan Pelaksanaan (WJP) hendaklah diguna pakai seperti mana ditetapkan dalam peraturan mengenai tatacara pengurusan sebut harga yang berkuat kuasa.~~
- 2.2 Kontraktor hendaklah atas nama bersama Kerajaan dan Kontraktor mengambil Insurans Liabiliti Awam dan Insurans Kerja* (sekiranya dinyatakan di dalam Butir-butir Ringkasan Sebut Harga) bagi tempoh pelaksanaan Kerja ini. Kontraktor hendaklah juga mengemukakan Nombor Kod Pendaftaran dengan PERKESO.
- 2.3 Kontraktor hendaklah mengemukakan kepada Pegawai Inden atau Wakilnya semua polisi insurans dan Nombor Kod Pendaftaran dengan PERKESO yang tersebut di atas sebelum memulakan kerja. Bagaimana pun untuk memulakan Kerja sahaja, nota-nota perlindungan dan resit-resit bayaran premium adalah mencukupi. Sekiranya Kontraktor gagal mengemukakan semua polisi insurans selepas tempoh sah nota-nota perlindungan, tanpa sebarang sebab yang munasabah, Pegawai Inden berhak mengambil tindakan seperti di bawah fasal 9.1d).

3. PERATURAN PELAKSANAAN KERJA

- 3.1 Kerja-kerja yang dilaksanakan hendaklah mematuhi Terma Rujukan, Skop Kerja, Spesifikasi, Pelan-pelan, Butir-butir kerja dalam Ringkasan Sebut Harga dan Syarat-syarat yang dinyatakan dalam Dokumen Sebut Harga ini dan arahan Pegawai Inden atau Wakilnya.
- 3.2 ~~Kerja-kerja yang dilaksanakan hendaklah mematuhi kehendak di perenggan 3.1 di atas dan semua peraturan dan pekeliling, undang-undang dan undang-undang kecil yang diluluskan oleh:~~
- ~~(i) Suruhanjaya Tenaga~~
 - ~~(ii) Jabatan Kesihatan dan Keselamatan Pekerjaan (JKKP)~~
 - ~~(iii) Pemegang Lesen dan Pihak Berkuasa Bekalan Elektrik~~
 - ~~(iv) Jabatan Bomba dan Penyelamat~~
 - ~~(v) Pihak Berkuasa Tempatan~~
 - ~~(vi) Suruhanjaya Pengurusan Air Negara (SPAN)~~

4. KEGAGALAN KONTRAKTOR MEMULAKAN KERJA

Sekiranya Kontraktor gagal memulakan kerja selepas **tujuh (7)** hari dari tarikh mula kerja yang dinyatakan dalam Inden/SST, tanpa sebab-sebab yang munasabah, Inden / SST akan dibatalkan oleh Pegawai Inden dan tindakan tatatertib akan diambil terhadap Kontraktor.

5. SUB-SEWA DAN PENYERAHAN HAK KERJA

Kontraktor tidak dibenarkan mengsub-sewakan Kerja kepada Kontraktor-kontraktor lain. Kontraktor tidak boleh menyerahkan apa-apa faedah di bawah Inden/SST ini tanpa terlebih dahulu mendapatkan persetujuan bertulis daripada Pegawai Inden.

6. PENOLAKAN BAHAN, BARANG DAN MUTU HASIL KERJA OLEH PEGAWAI INDEN

- 6.1 Pegawai Inden atau Wakilnya berhak menolak bahan, barang dan mutu hasil kerja dari jenis piawaian yang tidak menepati seperti diperihalkan dalam spesifikasi. Kontraktor hendaklah, apabila diminta oleh Pegawai Inden, memberi kepadanya baucar-baucar dan/atau perakuan ujian pengilang untuk membuktikan bahawa bahan-bahan dan barang-barang itu mematuhi Spesifikasi. Bahan, barang dan kerja-kerja yang ditolak hendaklah diganti dan sebarang kos tambahan yang terlibat hendaklah ditanggung oleh Kontraktor sendiri.
- 6.2 Kontraktor hendaklah dengan sepenuhnya atas perbelanjaan sendiri menyediakan sampel bahan dan barang-barang untuk ujian.
- 6.3 Tiada penggantian untuk peralatan, bahan dan cara kerja yang telah ditentukan di dalam spesifikasi atau ditawarkan dan telah diterima, dibenarkan kecuali mengikut persetujuan daripada Pegawai Inden secara bertulis.

7.0 SENARAI KUANTITI

- 7.1 Senarai Kuantiti hendaklah menjadi sebahagian daripada Borang Sebut Harga ini dan hendaklah menjadi asas Jumlah Harga Sebut Harga.
- 7.2 Harga-harga dalam Senarai Kuantiti hendaklah mengambil kira semua kos termasuk kos pengangkutan, cukai, duti, bayaran dan caj-caj lain yang perlu dan berkaitan bagi penyiapan Kerja dengan sempurna.
- 7.3 Tiada sebarang tuntutan akan dilayan bagi pelarasan harga akibat daripada perubahan kos buruh bahan-bahan dan semua duti dan cukai Kerajaan, sama ada dalam tempoh sah sebut harga atau dalam tempoh Kerja.
- 7.4 Harga-harga dalam Senarai Kuantiti yang dikemukakan oleh Kontraktor hendaklah tertakluk kepada persetujuan sebelumnya daripada Pegawai Inden tentang kemunasabahnannya. Persetujuan sebelumnya itu dan apa-apa pelarasan kemudiannya kepada harga-harga dalam Senarai Kuantiti hendaklah dibuat sebelum Inden Kerja/ SST dikeluarkan.

- 7.5 Apa-apa pelarasan harga dalam Senarai Kuantiti menurut perenggan 7.4 tersebut di atas dan apa-apa kesilapan hisab dalam Senarai Kuantiti hendaklah dilaras dan diperbetulkan sebelum Inden Kerja/SST dikeluarkan. Jumlah amaun yang dilaraskan hendaklah sama dengan amaun jumlah harga pukal dalam Borang Sebut Harga. Amaun jumlah harga pukal dalam Borang Sebut Harga hendaklah tetap tidak berubah.
- 7.6 Sekiranya sebut harga berasaskan kuantiti sementara, pengukuran semula hendaklah dibuat dan harga sebut harga diselaraskan.

8. PERCANGGAHAN DAN KECUKUPAN DOKUMEN SEBUT HARGA

- 8.1 Borang Inden Kerajaan, Surat Akuan Pembida Berjaya yang ditandatangani oleh Kontraktor dan Dokumen Sebut Harga hendaklah disifatkan menjadi dan dibaca serta ditafsirkan sebagai sebahagian daripada Kontrak ini.
- 8.2 Dokumen Sebut Harga adalah dikira sebagai saling jelas-menjelas antara satu sama lain. Kontraktor hendaklah mengadakan segala yang perlu untuk melaksanakan kerja dengan sewajarnya sehingga siap mengikut tujuan dan maksud sebenar. Dokumen Sebut Harga pada keseluruhannya sama ada atau tidak tujuan dan maksud itu ada ditunjuk atau diperihalkan secara khusus, dengan syarat bahawa tujuan, maksud itu hendaklah difahamkan dengan munasabahny dari Dokumen Sebut Harga.
- 8.3 Jika Kontraktor mendapati apa-apa percanggahan dalam Dokumen Sebut Harga dia hendaklah merujuk kepada Pegawai Inden untuk mendapatkan keputusan.

9. KEGAGALAN KONTRAKTOR MENYIAPKAN KERJA DAN PENAMATAN PELANTIKAN KONTRAKTOR

- 9.1 Pegawai Inden berhak membatalkan Inden/ Arahan Kerja sekiranya Kontraktor berada dalam keadaan berikut dan setelah menerima surat amaran daripada Pegawai Inden :
- a) Sekiranya Kontraktor masih gagal menyiapkan Kerja dalam tempoh masa yang telah ditetapkan;
 - b) Kontraktor didapati gagal menjalankan kerja dengan tekun dan teratur;
 - c) Penggantungan perlaksanaan seluruh atau sebahagian Kerja, tanpa apa-apa sebab yang munasabah;
 - d) Tidak mematuhi arahan Pegawai Inden atau Wakilnya tanpa apa-apa alasan yang munasabah; dan
 - e) Apabila Kontraktor diisytiharkan bankrap oleh pihak yang sah.
- 9.2 Sekiranya pelantikan Kontraktor ditamatkan di bawah perenggan 9.1, tindakan tatatertib akan diambil terhadap Kontraktor dan Bon Pelaksanaan akan dirampas sepenuhnya.

10. PERUBAHAN KERJA

- 10.1 Pegawai Inden boleh menurut budi bicaranya mengeluarkan arahan-arahan yang berkehendakkan sesuatu perubahan kerja dengan secara bertulis. Tiada apa-apa perubahan yang dikeluarkan oleh Pegawai Inden atau yang disahkan kemudian oleh Pegawai Inden boleh membatalkan sebut harga ini.

- 10.2 Sebarang kerja perubahan dan/atau tambahan yang diluluskan oleh Pegawai Inden akan diukur atau dinilai dengan menggunakan kadar harga yang ada dalam Senarai Kuantiti/Ringkasan Sebut Harga. Jika tidak terdapat sebarang kadar harga yang bersesuaian, kadar harga yang saksama akan dinilai oleh Pegawai Inden.

11. BAYARAN KEMAJUAN

Pegawai Inden dibenarkan membuat bayaran interim sehingga kerja-kerja siap dilaksanakan.

12. PERAKUAN SIAP KERJA

Pegawai Inden hendaklah mengeluarkan Perakuan Siap Kerja sebaik sahaja kerja disiapkan dengan sempurna dan memuaskan. Tarikh siap kerja ini bermulanya Tempoh Tanggungan Kecacatan (DLP).

13. ~~TEMPOH TANGGUNGAN KECACATAN (DLP)~~

~~13.1 Tempoh Tanggungan Kecacatan bagi sebut harga ini adalah selama dua belas (12) bulan dari tarikh kerja diperakukan siap. Bagi kerja-kerja mekanikal dan elektrik di mana tempoh waranti ke atas alat-alat dan loji-loji adalah dua belas (12) bulan.~~

~~13.2 Kontraktor dipertanggungjawabkan untuk memperbaiki kecacatan, ketidaksempurnaan, kekecutan atau apa-apa jua kerosakan lain yang mungkin kelihatan dan yang disebabkan oleh bahan atau barang atau mutu hasil kerja yang tidak menepati sebut harga ini apabila diarahkan oleh Pegawai Inden dan dalam masa yang berpatutan. Kontraktor hendaklah memperbaiki kecacatan, ketidaksempurnaan, kekecutan atau apa-apa jua kerosakan lain atas kos Kontraktor sendiri.~~

~~13.3 Sekiranya Kontraktor gagal memperbaiki kecacatan, ketidaksempurnaan, kekecutan atau apa-apa jua kerosakan lain seperti yang diarahkan, Pegawai Inden berhak memotong kos memperbaiki dari baki wang yang akan dibayar kepada Kontraktor atau, jika baki itu tidak mencukupi, perlu mengeluarkan surat pengesyoran kepada Bahagian Pembangunan Kontraktor Dan Usahawan (BPKU) untuk menggantungkan pendaftaran Kontraktor, dan menghantar salinan-salinan surat tersebut kepada Pengarah Kerja Raya/Ketua Jabatan, Bahagian Pembangunan Bumiputera, Kementerian Kerja Raya dan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB). Bagi kerja-kerja elektrik/mekanikal, salinan surat akan dihantar kepada Pengarah Cawangan Kerja Elektrikal/Pengarah Cawangan Kerja Mekanikal.~~

14. PERATURAN MEMBAYAR SELEPAS SIAP

Bayaran sepenuhnya hanya boleh dibuat setelah Kontraktor menyiapkan kerja dengan sempurna dan Perakuan Siap Kerja dikeluarkan. Kontraktor hendaklah mengembalikan Inden Kerajaan (Penyiapan kerja) sebaik sahaja kerja disiapkan kepada Pegawai Inden. Walau bagaimanapun, Pegawai Inden hendaklah membuat potongan atau menahan sejumlah amaun dari wang yang akan dibayar kepada Kontraktor sebagai kos untuk memperbaiki apa-apa kecacatan yang tidak dapat dibaiki oleh Kontraktor di dalam tempoh tanggungan kecacatan.

15. PERAKUAN SIAP MEMPERBAIKI KECACATAN

Pegawai Inden hendaklah mengeluarkan Perakuan Siap Membaiki Kecacatan sebaik sahaja Kontraktor telah membaiki kecacatan, ketidaksempurnaan, kekecutan atau apa-apa jua kerosakan lain.

16. PEMATUHAN KEPADA UNDANG-UNDANG OLEH KONTRAKTOR

Kontraktor hendaklah mematuhi segala kehendak Undang-undang Kecil dan Undang-undang Berkanun dalam Malaysia semasa pelaksanaan Kerja. Kontraktor tidak berhak menuntut sebarang kos dan bayaran tambahan kerana pematuhannya dengan syarat-syarat Sebut Harga.

17. PENAMATAN BERSABIT RASUAH, AKTIVITI MENYALAH UNDANG-UNDANG ATAU AKTIVITI HARAM

- 17.1 Tanpa menjejaskan apa-apa hak Kerajaan yang lain, jika kontraktor, personel, kakitangan atau pekerjanya disabitkan bersalah oleh mahkamah kerana rasuah atau aktiviti menyalahi undang-undang atau aktiviti haram yang berkait dengan Perjanjian/Kontrak ini atau mana-mana perjanjian lain yang Kontraktor mungkin ada dengan Kerajaan, Kerajaan berhak untuk menamatkan Perjanjian Kontrak ini pada bila-bila masa, dengan memberi notis bertulis dengan segera yang membawa maksud sedemikian kepada Kontraktor.
- 17.2 Setelah penamatan tersebut, Kerajaan berhak terhadap semua kerugian, kos, ganti rugi perbelanjaan (termasuk apa-apa kos dan perbelanjaan sampingan) yang ditanggung oleh Kerajaan yang timbul daripada penamatan tersebut.
- 17.3 Bagi mengelakkan keraguan, kedua-dua pihak Kerajaan dan Kontraktor bersetuju bahawa Kontraktor tidak layak terhadap sebarang bentuk kerugian termasuk kehilangan keuntungan, ganti rugi, tuntutan atau apa sekalipun setelah penamatan Kontrak ini.

18. LANJUTAN MASA

- 18.1 Kontraktor hendaklah, apabila ia mendapati bahawa kemajuan kerja akan lewat atau telah lewat, memohon secara bertulis kepada Pegawai Inden atau Wakilnya untuk mendapatkan kelulusan lanjutan masa. Kontraktor hendaklah mengemukakan kepada Pegawai Inden atau Wakilnya maklumat-maklumat berkaitan berhubung dengan kelewatan pelaksanaan kerja untuk dipertimbangkan oleh Pegawai Inden.
- 18.2 Pelanjutan masa bagi kontrak kerja sebut harga adalah dibenarkan tertakluk kepada kelulusan Jawatankuasa Sebut Harga terlebih dahulu.

19. DENDA KELEWATAN (GANTI RUGI TERTENTU DAN DITETAPKAN – *LIQUIDATED ASCERTAIN DAMAGES (LAD)*)

- 19.1 Jika kontraktor gagal menyiapkan kerja mengikut tempoh siap kerja yang ditetapkan mengikut klausa 9.0, Pegawai Inden hendaklah segera mengeluarkan Notis untuk Mengenakan Ganti Rugi Tertentu dan Ditetapkan (LAD). LAD akan dikenakan sekiranya kerja tidak dapat disiapkan mengikut tempoh siap kerja yang telah ditetapkan.
- 19.2 Tanpa menjejaskan hak kerajaan untuk menamatkan kontraktor, Pegawai Inden, kerajaan berhak untuk menuntut daripada kontraktor Ganti Rugi Tertentu yang ditentukan yang dikira pada kadar dinyatakan dalam lampiran surat setuju terima bermula dari tarikh perakuan kerja tidak siap dikeluarkan hingga tarikh perakuan siap kerja dikeluarkan.
- 19.3 Penetapan bagi Ganti rugi tertentu (yang mana lebih tinggi).
- i) BLR terkini/365 x 100% x Harga Kontrak
 - ii) Kadar LAD minimum adalah RM100/hari

20. FIRMA YANG KOMPETEN (FYK)*

- 20.1 Kontraktor hendaklah berdaftar sebagai FYK Pemasang, Penyelenggaraan & Pemeriksaan Lif, Eskalator & Dumwaiter yang diluluskan oleh Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Malaysia (JKKP) untuk melaksanakan atau menjalankan kerja pemasangan pembaikan dan penyelenggaraan lif.
- 20.2 Sekiranya kontraktor tidak berdaftar sebagai FYK dengan JKKP, kontraktor hendaklah melantik *Original Equipment Manufacturer* (OEM) sebagai FYK untuk melaksanakan atau menjalankan kerja pemasangan, pembaikan dan penyelenggaraan lif.
- 20.3 Kontraktor hendaklah mengemukakan surat pengesahan atau yang setaraf dengannya daripada OEM dalam dokumen tawaran Sebut Harga bagi tujuan penilaian Sebut Harga.

**Terpakai bagi projek Berkenaan*

SENARAI KUANTITI

GENERAL SUMMARY

SITE INVESTIGATION COST SUMMARY FOR:-

**KERJA-KERJA PENYIASATAN TANAH DAN UJIAN MAKMAL
BAGI PROJEK PROGRAM RESIDENSI RAKYAT (PRR) PAYA RUMPUT, MELAKA**

BILL	CONTENTS	PAGE	AMOUNT (RM)
BILL 1	GENERAL ITEMS AND PROVISIONAL SERVICES (ALL PROVISIONAL)	BQ1-1/3 - BQ1-3/3	
BILL 2	SURVEY AND SETTING OUT (ALL PROVISIONAL)	BQ2-1/1 - BQ2-1/1	
BILL 3	MOBILISATION AND DEMOBILISATION (ALL PROVISIONAL)	BQ3-1/3 - BQ3-3/3	
BILL 4	EXCAVATION AND BOREHOLES (ALL PROVISIONAL)	BQ4-1/3 - BQ4-3/3	
BILL 5	SAMPLING (ALL PROVISIONAL)	BQ5-1/3 - BQ5-3/3	
BILL 6	FIELD TEST (ALL PROVISIONAL)	BQ6-1/4 - BQ6-4/4	
BILL 7	LABORATORY TEST (ALL PROVISIONAL)	BQ7-1/5 - BQ7-5/5	
BILL 8	GEOPHYSICAL SURVEY AND GEOLOGICAL MAPPING (ALL PROVISIONAL)	NOT APPLICABLE	
BILL 9	INSTRUMENTATION (ALL PROVISIONAL)	NOT APPLICABLE	
BILL 10	REPORT (ALL PROVISIONAL)	BQ10-1/1 - BQ10-1/1	

Ringgit Malaysia :

Completion Period : 9 weeks

Contractor :

Witness :

Signature :

Signature :

Name :

Name :

Company Stamp :

IC No :

:

Date :

Date :



BIL 1.0 *GENERAL ITEMS AND PROVISIONAL SERVICES*

****BILL NO. 1 : GENERAL ITEMS AND PROVISIONAL SERVICES (ALL PROVISIONAL)**

Item	Description	Unit	Rate (RM)	Quantity	Amount (RM)
1	<u>CONTRACTUAL REQUIREMENTS</u>				
1.1	Insurance of Works, Public Liability, SOCSO and Workmen's Compensation Insurance.			1.00	
1.2	Preparation and submission of work programme in Microsoft Project format, method statement and all necessary documents associated with the works as directed by the S.O. A binded hardcopy of the documents shall be submitted prior to the commencement of the works for approval by the S.O.	Sum		1.00	
1.3	Provision to carry out a desk study and geological assessment of the proposed site in accordance with Term of Reference as instructed by the S.O.	Sum		1.00	
1.4	Detection of all underground utilities and services within 1m radius of each test locations as shown in drawing or as instructed by S.O.				
	a. Mobilisation and demobilisation	Sum		1.00	
	b. Each testing locations	No		16.00	
1.5	To provide an adequate electricity and water supplies for the execution of the Works including paying all associated cost and fees as directed by the S.O.	Sum		1.00	
1.6	Removal of all debris; rubbish and waste from the site and keep the working area clean at all time during construction period and upon completion of the Works.	Sum		1.00	
1.7	Site clearing or to construct a temporary access to the site and maintenance of the temporary access until completion of the works as directed by the S.O.				
	a. Up to 5 testing points	Sum		1.00	
	b. Subsequent points				
1.8	Protection of existing infrastructure against any damage including any necessary work throughout the construction period and make good upon completion as instructed by S.O.	Sum		1.00	
Carried To Collection					



****BILL NO. 1 : GENERAL ITEMS AND PROVISIONAL SERVICES (ALL PROVISIONAL)**

Item	Description	Unit	Rate (RM)	Quantity	Amount (RM)
1	<u>CONTRACTUAL REQUIREMENTS</u>				
1.9	Appointment of qualified independent Professional Engineer with Practising Certificate (PEPC) or Professional Geologist (P.Geol.). The rate shall include the cost of travelling and accommodation for the whole duration of the field works.				
	a. i. Supervision of field works up to 5 boreholes including all in- situ tests.	Sum		1.00	
	ii. Subsequent boreholes	No.		1.00	
	b. Checking and endorsement of reports.	Sum		1.00	
1.10	Provide all necessary signages and proper barricades for public safety as directed by the S.O.				
1.11	Delivery and transportation of all samples from site to the approved laboratory.	Sum		1.00	
1.12	Comply in all respects (including the giving of all notices and the paying of all fees required) with any law, regulation or by-law, or any order or directive issued by any public authority or public services company relating to the work or, in the case of public authority or public service company with those system the same area or will be connected. (Payment as per bill).	Sum		1.00	
Carried To Collection					



****BILL NO. 1 : GENERAL ITEMS AND PROVISIONAL SERVICES (ALL PROVISIONAL)**

Item	Description	Unit	Rate (RM)	Quantity	Amount (RM)
1	<u>CONTRACTUAL REQUIREMENTS</u> Collection Page BQ 1 - 1/3 BQ 1 - 2/3				
Total Carried To Summary					



BIL 2.0 *SURVEY AND SETTING OUT*

****BILL NO. 2 : SURVEY AND SETTING OUT (ALL PROVISIONAL)**

Item	Description	Unit	Rate (RM)	Quantity	Amount (RM)
2	<u>SURVEY AND SETTING OUT</u>				
2.1	Mobilisation of all survey equipments to the site including clearing the site to provide temporary roads and accesses required for the proper execution of the survey Works and demobilisation upon completion.				
	a. More than 50km but not exceeding 150km	Sum		1.00	
	b. More than 150km but not exceeding 300km				
	c. Exceeding 300km				
2.2	Setting out a reference point from approved bench mark using an approved method including all necessary works as instructed by the S.O.				
	a. Distance of bench mark up to 5.0 kilometer	Sum		1.00	
	b. Distance of bench mark exceeding than 5.0 kilometer				
2.3	To carry out survey works for setting out of borehole or any other test points as specified in the drawings or as instructed by the S.O. The survey shall include the coordinates in Cassini Soldner format and Rectified Skewed Orthomorphic (RSO) format, reduce level and produced As-Drilled layout plan endorsed by licensed surveyor. (Unless otherwise agreed by the S.O., payment shall be made based on actual Works to be executed on site)	No.		16.00	
	a. Extra over for survey works over water.				
2.4	To carry out topography survey of slope failure area including spot level and offset distance in Cassini and GDM Projection, reduce level and prepare survey plan endorsed by licensed surveyor.				
	a. Flat & Undulating Area (up to 3 Ha.)				
	b. Built up area/ Undeveloped area/ Hilly area (up to 3 Ha.)				
Total Carried To Summary					



BIL 3.0 MOBILISATION AND DEMOBILISATION

****BILL NO. 3 : MOBILISATION AND DEMOBILISATION (ALL PROVISIONAL)**

Item	Description	Unit	Rate (RM)	Quantity	Amount (RM)
3	<u>MOBILISATION AND DEMOBILISATION</u> Notes: Unless otherwise agreed by the S.O., payment shall be made based on actual distance and nearest route to the site from contractor's office. Mobilisation and demobilisation for other field tests only applicable when there is no boring works or CPT works in SI scope.				
3.1	<u>Boring Plant</u>				
3.1.1	Mobilisation of all plants and equipments to the site including transfer between different locations within the site, handling, assembling and demobilisation upon completion. a. Up to 25km from contractor's office b. Over 25km and up to 125km from contractor's office c. Over 125km and up to 225km from contractor's office d. Over 225km and up to 325km from contractor's office e. Over 325km and up to 425km from contractor's office f. Over 425km and up to 525km from contractor's office g. Over 525km from contractor's office	Sum		1.00	
3.1.2	Extra over item 3.1.1 for mobilisation and demobilisation of additional boring equipments for deep boring works.	No.		1.00	
3.1.3	Extra over item 3.1.1 and 3.1.2 (if applicable) for the site inaccessible by road and required any mode of transportation over water.				
3.2	<u>Field Test</u>				
